



## TEKS UCAPAN PERASMIAN

**DATO' SERI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN  
KETUA PENGARAH MAMPU**

**PROGRAM PEMERKASAAN  
GOVERNMENT PUBLIC KEY  
INFRASTRUCTURE (GPKI)  
SEKTOR AWAM NEGERI SABAH**

**14 APRIL 2015 (SELASA)**

**AUDITORIUM  
KOMPLEKS PENTADBIRAN  
KERajaan Persekutuan Sabah**

Bismillahirrahmaanirrahim

Terima kasih Saudara/i Pengacara  
Majlis

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakaatuh,

Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia:  
Rakyat Didahulukan, Pencapaian  
Diutamakan dan Salam Kegemilangan

Yang Berbahagia Datuk Borhan Bin  
Dolah,

Setiausaha Persekutuan Sabah

Yang Berusaha Dr. Suhazimah Binti Dzazali,  
Timbalan Ketua Pengarah (TMK),  
MAMPU.

Yang Berusaha Puan Marsineh Binti Jarmin  
Pengarah Bahagian Pembangunan Perkhidmatan Gunasama Infrastruktur dan Keselamatan, MAMPU

Yang Berusaha Encik Shahrir Bin Mohammad Zakey,  
Pengarah MAMPU Sabah

Yang Berusaha Tuan Haji Mat Nazri  
Bin Harmine,  
Pengarah Jabatan Akauntan Negara  
Malaysia (JANM) Negeri Sabah

**Ketua-Ketua Jabatan di negeri  
Sabah,**

**Yang Berbahagia Datuk-Datuk,  
Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya  
hormati sekalian.**

1. Terlebih dahulu, marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya jua dapat kita

berhimpun pada pagi ini sempena Program Pemerkasaan *Government Public Key Infrastructure* (GPKI) Sektor Awam Negeri Sabah. Sesungguhnya hari ini merupakan satu lagi hari bersejarah apabila kita dapat berkongsi ilmu serta pengalaman dalam usaha merealisasikan aspirasi transformasi penyampaian perkhidmatan Sektor Awam. Penganjuran program ini merupakan komitmen MAMPU dan rakan strategiknya iaitu Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Sabah untuk terus memacu transformasi negara ke tahap yang

lebih tinggi. Terima kasih kepada Pejabat SUP Sabah dan JANM Sabah atas sokongan dan kerjasama yang diberikan.

2. Selaku pengajur utama program, MAMPU ingin mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada YBhg. Datuk-Datuk, Ketua-Ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang sudi hadir pada hari ini. Sesungguhnya kehadiran YBhg. Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang mewakili pelbagai agensi di negeri Sabah mencerminkan komitmen dan keazaman yang tinggi dalam usaha

meningkatkan prestasi dan menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan awam. Menyedari kepentingan GPKI sebagai satu inisiatif yang membolehkan organisasi melindungi keselamatan maklumat bagi transaksi atas talian, MAMPU telah mengambil inisiatif untuk berkolaborasi bersama Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) untuk mengadakan program pada hari ini dengan harapan untuk memenuhi objektif iaitu:

- i. Memberi pendedahan kepada penjawat awam di negeri Sabah dalam pelaksanaan GPKI;
- ii. Sebagai platform perkongsian pengetahuan dan pengalaman di kalangan penjawat awam di negeri Sabah dalam pelaksanaan GPKI; dan
- iii. Memperkasa pelaksanaan GPKI di negeri Sabah.

**YBhg. Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,**

3. Transformasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam perkhidmatan awam telah bermula sejak penubuhan Koridor Raya Multimedia (*Multimedia Super Corridor - MSC*) pada tahun 1996. Teknologi maklumat dan komunikasi memainkan peranan penting dalam mewujudkan perkhidmatan kerajaan yang bersepadu bagi membolehkan rakyat berinteraksi secara lancar merentasi pelbagai agensi. Perancangan yang rapi dalam pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi Sektor Awam adalah signifikan bagi memastikan pelaksanaannya selaras

dengan visi Kerajaan ke arah penyampaian Perkhidmatan Awam yang cekap, berkualiti dan telus.

4. Penggunaan teknologi terkini merupakan kunci kepada peningkatan sistem penyampaian kerajaan dan produktiviti anggota perkhidmatan awam. Kewujudan infrastruktur teknologi maklumat dan automasi dapat menyokong pencapaian tahap kecekapan Kerajaan yang mencabar. *“Implementation of information and communication technology (ICT) services and systems in organizations generally pose a lot of challenges that,*

*if not properly addressed, lead to heavy investment without the corresponding organizational efficiency gain.”*

5. Pada tahun 1997, Akta Tandatangan Digital telah diwujudkan untuk memberi keyakinan dan galakan kepada masyarakat untuk menggunakan transaksi elektronik sama ada bagi transaksi di dalam mahu pun di luar negara. Selari dengan akta ini, MAMPU telah menggariskan panduan penggunaan Public Key Infrastructure (PKI) atau Prasarana Kunci Awam dalam sektor awam menerusi Malaysian Public Sector

Management of Information and Communications Technology Security Handbook (MyMIS) pada Januari 2002 untuk tujuan yang sama.

6. GPKI menyediakan perkhidmatan *Public Key Infrastructure* (PKI) dengan menyediakan prasarana bagi kawalan keselamatan Maklumat kerajaan, membekalkan sijil digital kepada agensi Kerajaan bagi pelaksanaan sistem TMK dan juga khidmat nasihat penggunaan sijil digital. Pelaksanaan perkhidmatan GPKI selama 15 tahun dari 2002 sehingga kini telah melalui evolusi dan transformasi dari penggunaan menerusi Kad pintar

kepada peranti USB atau token. Sebanyak 15 aplikasi TMK Kerajaan perkhidmatan GPKI seperti eSPKB, ePerolehan, 1GFMAS, e-Syariah dan banyak lagi.

**YBhg. Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,**

7. Kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menggariskan hala tuju yang jelas untuk merealisasikan hasrat mencapai status negara maju berpendapatan tinggi iaitu dengan

pendapatan per kapita sebanyak USD15,000 pada tahun 2020. Agenda besar transformasi negara telah dimulai dengan Gagasan Perdana Agenda Transformasi Nasional iaitu Gagasan 1Malaysia: “Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan”, Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Model Baru Ekonomi (MBE), Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan sedikit masa lagi akan memasuki fasa Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) yang dilengkапkan dengan pelbagai transformasi TMK melalui pemerkasaan strategi Digital

Malaysia dengan memperluaskan inisiatif sedia ada dan mencipta peluang baru dalam arena ekonomi digital.

8. Perkhidmatan TMK telah memberikan nilai tambah kepada urusan penyampaian perkhidmatan awam bagi mendokong prakarsa “merakyatkan perkhidmatan awam” yang menjadi agenda utama kepada hala tuju perkhidmatan awam. Dalam usaha ini, MAMPU telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti 1GovNet, 1GovUC, 1GovCloud, Pusat Data

Sektor Awam (PDSA) serta ke arah pelaksanaan *Big Data/Open Data*.

9. Inisiatif 1GovNet adalah satu infrastruktur rangkaian bersepadu dan selamat untuk Sektor Awam yang diuruskan secara berpusat. Pelbagai lokasi agensi Kerajaan telah dihubungkan dengan rangkaian 1GovNet. Ia menjadi platform kepada agensi Kerajaan bagi membolehkan capaian kepada aplikasi Kerajaan Elektronik, aplikasi dalaman dan capaian internet. Inisiatif 1GovUC pula diperkenalkan **bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan**

**pentadbiran dan penjimatan kos pengurusan serta operasi melalui perkhidmatan komunikasi dan kolaborasi secara bersepadu.**

Pelaksanaan projek 1GovUC ini memberi manfaat kepada para pengguna merentasi pelbagai agensi Kerajaan di mana agensi akan berupaya menjimatkan kos perjalanan pegawai dan pengurangan kos operasi penyelenggaraan. MAMPU juga sinonim dengan 1GovCloud iaitu inisiatif yang memberi kemudahan kepada agensi untuk menggunakan teknologi *cloud computing* di dalam persekitaran TMK yang selamat dan

bersepadu. Inisiatif ini juga telah mengurangkan keperluan bilangan peralatan dan penerapan inisiatif teknologi hijau di kalangan agensi.

10. Bagi memanfaatkan sepenuhnya potensi teknologi mudah alih, kerajaan turut memperkenalkan perkhidmatan *Unstructured Supplementary Service Data* (USSD), *Multimedia Messaging System* (MMS), *Mobile Apps* dan *Mobile Payment* yang merupakan langkah seterusnya ke arah merealisasikan konsep *mobile government* atau M-Government. Konsep ini berupaya meluaskan

capaian perkhidmatan kerajaan tanpa mengira tempat kerana ia membolehkan penggunaan peralatan mudah alih yang lain seperti komputer riba, telefon pintar dan PDAs (*Personel Digital Assistants*). Ia ternyata memudahkan dan memberikan liputan yang lebih meluas bagi capaian perkhidmatan Kerajaan di mana-mana dan pada bila-bila masa.

11. Inisiatif *smart-government* adalah penglibatan rakyat serta libat urus bersama mereka untuk mendapatkan idea kreatif serta inovatif dalam usaha meningkatkan penyampaian

perkhidmatan sektor awam seperti perundingan dan pembuatan keputusan secara elektronik atau dalam talian. Ia seiring dengan ledakan TMK terutamanya melalui media / laman sosial yang merupakan trend antaramuka penyampaian perkhidmatan awam yang mudah dan pantas dalam membuat keputusan yang memerlukan komunikasi secara interaktif serta bersifat *cost effective*.

## 12. Sebagai peringatan:

*“At the organizational level, it is widely accepted though not fully appreciated that the integration of ICT in*

*organizational functions is necessary for increased efficiency, cost effectiveness and competitiveness. The tendency unfortunately has been, more often than not, to approach each integration from the technology perspective, leading to escalating cost without corresponding efficiency gains. This leads to disillusionment, scepticism and reduces organizational commitment and resources to support ICT services and systems.”*

**YBhg. Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,**

13. Saya berharap Program Pemerkasaan GPKI yang dilaksanakan dengan kolaborasi tiga (3) pihak secara komprehensif dan skala besar buat julung kali ini akan memberi manfaat dan memenuhi objektif yang digariskan dan berkeupayaan menjimatkan sumber tenaga dan kewangan Kerajaan. Saya turut mengharapkan program ini dimanfaatkan sepenuhnya sebagai medium perkongsian ilmu dan pengalaman dalam mengenalpasti kekangan dan halangan dalam pelaksanaan GPKI di agensi masing-masing.

14. Pada hari ini saya amat gembira untuk memaklumkan kepada para hadirin bahawa MAMPU telah membuat beberapa penambahbaikan berterusan dalam perkhidmatan GPKI. MAMPU amat prihatin akan pandangan dan maklum balas daripada agensi-agensi dan Pegawai yang menggunakan perkhidmatan GPKI. Hasil dari input ini, Portal GPKI telah ditambah baik dengan fungsi-fungsi baharu bagi memudahkan perkhidmatan kepada agensi dan Pegawai sektor awam secara dalam talian. Pada Program hari ini, MAMPU akan memperkenalkan fungsi baharu

ini melalui demonstrasi secara langsung atau live!

15. Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan kepada warga MAMPU Sabah sebagai penganjur utama yang telah bekerja keras dalam memastikan kelancaran program ini dengan bantuan Pejabat SUP Sabah dan JANM Sabah. Dengan lafaz Bismillahir Rahmannirrahim, saya merasmikan Program Pemerkasaan *Government Public Key Infrastructure* (GPKI) Sektor Awam Negeri Sabah pada hari ini.

Sekian.

Wabillahitaufik walhidayah wasalam  
mualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.

Terima kasih.